




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 9 | 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 9 | 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 30 September 2022.

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

02 TINTA KETUA
PERANGKAWAN

04 SOROTAN PENTING

05 BAROMETER
EKONOMI

07 PERSPEKTIF
KESELURUHAN

10 RENCANA

19 SNAPSHOT

20 PERTANIAN

25 INDUSTRI DAN
PEMBUATAN

27 PERKHIDMATAN

31 SEKTOR LUARAN

35 SENARIO BURUH

39 HARGA

43 WAY FORWARD

46 INDIKATOR
EKONOMI

60 AHLI MESR

61 PENGHARGAAN

Pertama sekali, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada pembaca dan pengguna atas sokongan yang berterusan dan menggalakkan terhadap usaha kami dalam menghasilkan siri kesembilan Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Edisi penerbitan pada kali ini memfokuskan senario ekonomi pada bulan Julai 2022, dan turut mengetengahkan beberapa statistik bulan Ogos 2022. Sebuah rencana bertajuk **“Pengganda Tenaga di Malaysia: Analisis Input-Output”** yang mengkaji hubungan antara penggunaan tenaga dan pertumbuhan ekonomi dalam lima sektor ekonomi utama Malaysia bagi tahun 2015 dan 2010 menggunakan analisis pengganda turut dipaparkan.

Berikutan terjejasnya ekonomi negara utama dunia, pertumbuhan global terus menyederhana pada suku tahun kedua 2022. Berdasarkan unjuran KDNK benar 2022 oleh *International Monetary Fund* (IMF) *World Economic Outlook* pada Julai tahun ini, pertumbuhan ekonomi rakan dagang utama diramal tumbuh sederhana yang mana ekonomi United States of America dijangka berkembang 2.3 peratus, China (3.3%) dan Japan (1.7%). Sementara itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh sebanyak 8.9 peratus pada suku tahun kedua 2022 mencerminkan prospek ekonomi negara ke arah pemulihan pada masa hadapan. Aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali normal dikatakan sebagai salah satu faktor pemangkin kepada keadaan ekonomi negara yang lebih baik. Oleh itu, KDNK benar Malaysia dijangka berkembang sebanyak 5.1 peratus tahun ke tahun pada 2022. Pada separuh pertama 2022, ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 6.9 peratus melebihi KDNK benar keseluruhan tahun 2022 yang diunjurkan oleh IMF.

Beberapa petunjuk ekonomi utama Malaysia menunjukkan keadaan ekonomi yang menggalakkan yang terus diperkukuh dan disokong oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif ke arah kestabilan ekonomi. Pada Julai 2022, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 12.5 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan IPP disokong oleh peningkatan indeks Pembuatan (14.9%), indeks Elektrik (13.2%) dan indeks Perlombongan (3.2%).

Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan nilai jualan RM148.4 bilion, meningkat 23.8 peratus (Jun 2022: 23.4%) berbanding bulan yang sama pada 2021. Prestasi jualan didorong oleh produk Elektrik & elektronik (26.1%), Produk petroleum, kimia, getah & plastik (19.1%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (44.2%).

Seiring dengan itu, jualan Perdagangan borong & runcit Malaysia mencatatkan pertumbuhan 41.0 peratus tahun ke tahun, atau RM130.7 bilion. Peningkatan pada Julai disumbangkan oleh subsektor Perdagangan runcit yang meningkat 37.5 peratus (RM15.4 bilion) kepada RM56.6 bilion. Kenderaan bermotor dan Perdagangan borong masing-masing meningkat sebanyak 613.8 peratus (RM12.4 bilion, RM14.4 bilion) dan 20.6 peratus (RM10.2 bilion, RM59.7 bilion). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan borong & runcit jatuh 1.6 peratus disumbangkan oleh subsektor Kenderaan bermotor (-10.5%) dan Perdagangan borong (-1.4%).

Situasi buruh pada Julai bertambah baik berikutan semua aktiviti ekonomi kembali beroperasi secara normal selari dengan peningkatan dalam guna tenaga dan pengangguran yang memulih. Faktor-faktor tersebut telah memberi kesan positif kepada pasaran buruh, meningkatkan permintaan buruh dan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan. Bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 683.6 ribu orang (4.5%) berbanding tahun sebelumnya kepada 15.98 juta orang pada Julai 2022. Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang dicatatkan adalah 67.0 peratus dan kadar pengangguran adalah 3.7 peratus.

Dari perspektif harga, kadar inflasi negara pada Ogos 2022 meningkat sebanyak 4.7 peratus kepada 128.2 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Indeks Makanan yang meningkat sebanyak 7.2 peratus kekal sebagai penyumbang utama kepada kenaikan inflasi pada Ogos 2022. Selain Makanan, semua kumpulan lain juga terus mencatatkan peningkatan kecuali Komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Seiring dengan peningkatan ini, Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barang di pintu kilang, susut kepada 6.8 peratus pada Ogos 2022 berbanding 7.6 peratus yang dicatatkan pada Julai 2022. Peningkatan ini dipengaruhi oleh indeks Pembuatan sebanyak 9.4 peratus (Julai 2022: 9.9%), disokong oleh kenaikan indeks Pembuatan produk petroleum bertapis (21.8%), Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (13.8%) dan Pembuatan bahan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer (9.2%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik dan optik (6.6%).

Mengenai sektor luaran, trend yang sama ditunjukkan apabila eksport Malaysia mengekalkan pertumbuhan dua digit pada Ogos 2022, berkembang sebanyak 48.2 peratus berbanding Ogos 2021 kepada RM141.3 bilion, bulan ke-12 berturut-turut melepasi paras RM100 bilion sejak September 2021. Jumlah dagangan Malaysia terus melonjak pada Ogos 2022, mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 56.7 peratus kepada RM265.7 bilion.

Melangkah ke hadapan, sejajar dengan pelbagai inisiatif dan pentadbiran kerajaan yang responsif kepada keadaan semasa, Indeks Pelopor (IP) yang menjangkakan hala tuju ekonomi masa hadapan meramalkan prestasi ekonomi yang optimistik pada bulan-bulan akan datang seperti yang ditunjukkan oleh indeks arah aliran jangka panjang terlicin yang terus berada di atas arah aliran. IP mengekalkan pertumbuhannya yang positif pada 4.1 peratus pada Julai 2022, walaupun lebih rendah daripada 5.3 peratus yang dicatatkan pada Jun 2022 berikutan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi logam berasaskan platinum.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsQ2_2022.

Terima kasih.


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

September 2022

- Merujuk kepada unjuran KDNK benar bagi 2022 oleh *International Monetary Fund (IMF) World Economic Outlook* pada Julai tahun ini, pertumbuhan ekonomi rakan dagangan utama berkemungkinan merekodkan pertumbuhan sederhana di mana ekonomi United States of America dijangka berkembang 2.3 peratus, United Kingdom (3.2%), China (3.3%) dan Japan (1.7%). Sementara itu, KDNK benar Malaysia dijangka berkembang 5.1 peratus tahun ke tahun pada 2022. Pada separuh tahun pertama 2022, ekonomi Malaysia berkembang 6.9 peratus, melebihi unjuran KDNK benar oleh IMF.
- Pengeluaran getah asli Malaysia merosot 21.8 peratus kepada 38,006 tan metrik pada Julai 2022 daripada 48,610 tan metrik pada bulan yang sama 2021. Bagaimanapun, pengeluaran getah asli meningkat 21.2 peratus bulan ke bulan berbanding 31,369 tan metrik pada Jun 2022. Sementara itu, bagi statistik kelapa sawit, pengeluaran buah tandan segar meningkat 3.8 peratus kepada 8,869,329 tan metrik pada Ogos 2022 berbanding bulan yang sama pada 2021 (8,548,348 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 10.6 peratus berbanding Julai 2022 (8,015,968 tan metrik).
- Pada Julai 2022, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) melonjak 12.5 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan IPP disokong oleh kenaikan indeks Pembuatan (14.9%), indeks Elektrik (13.2%) dan indeks Perlombongan (3.2%).
- Pada masa yang sama, sektor Pembuatan merekodkan nilai jualan RM148.4 bilion, meningkat 23.8 peratus berbanding bulan yang sama pada 2021 (Jun 2022: 23.4%). Prestasi nilai jualan didorong oleh Produk Elektrik & Elektronik (26.1%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (19.1%) dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas & Produk Logam yang Direka (44.2%).
- Jualan Perdagangan borong & runcit turut menunjukkan peningkatan 41.0 peratus tahun ke tahun kepada RM130.7 bilion pada Julai 2022. Pertumbuhan nilai jualan didorong oleh kesan asas yang rendah pada 2021 yang disumbangkan terutamanya oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat RM15.4 bilion atau 37.5 peratus kepada RM56.6 bilion. Tambahan pula, Kenderaan bermotor dan Perdagangan borong masing-masing meningkat sebanyak RM12.4 bilion kepada RM14.4 bilion dan RM10.2 bilion kepada RM59.7 bilion.
- Dari segi harga di Malaysia, inflasi negara direkodkan pada 4.4 peratus apabila Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat kepada 127.9 pada Julai 2022 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Indeks Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang meningkat 6.9 peratus kekal sebagai penyumbang utama kenaikan IHP bulan ini. Di samping Makanan & Minuman Bukan Alkohol, semua kumpulan lain juga terus mencatatkan peningkatan kecuali Komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Pada Ogos 2022, kadar inflasi Malaysia terus meningkat kepada 4.7 peratus.
- Indeks Harga Pengeluar (IHPR) turut mencatatkan peningkatan 7.6 peratus tahun ke tahun pada Julai 2022 berbanding 10.9 peratus pada bulan sebelumnya 2022. Kenaikan tersebut disumbangkan oleh indeks Pembuatan dengan kenaikan 9.9 peratus (Jun 2022: 10.0%), diikuti oleh indeks Perlombongan (9.0%), Bekalan air (2.1%) dan Bekalan elektrik & gas (0.9%). Bagaimanapun, indeks Pertanian, perhutanan & perikanan merosot kepada negatif 10.3 peratus pada Julai 2022 (Jun 2022: 18.1%). IHPR terus menyederhana untuk mencatatkan kenaikan 6.8 peratus pada Ogos 2022.
- Bagi prestasi perdagangan Malaysia, jumlah perdagangan merekodkan pertumbuhan dua digit 39.8 peratus tahun ke tahun kepada RM252.6 bilion pada Julai 2022. Eksport melonjak 38.0 peratus kepada RM134.1 bilion, manakala import meningkat 41.9 peratus kepada RM118.6 bilion. Hasilnya, imbalan dagangan mencatatkan lebih RM15.5 bilion. Pada Ogos 2022, jumlah perdagangan Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan ketara berbanding setahun yang lalu, meningkat 56.7 peratus kepada RM265.7 bilion.
- Meninjau kepada prestasi pasaran buruh, bilangan penduduk bekerja meningkat 683.6 ribu orang (4.5%) berbanding tahun sebelumnya kepada 15.98 juta orang pada Julai 2022. Nisbah guna tenaga kepada penduduk mencatatkan 67.0 peratus dan kadar pengangguran merekodkan 3.7 peratus pada Julai 2022.
- Indeks Pelopor (IP) pada Julai 2022 menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka menunjukkan prestasi yang optimistik pada bulan-bulan akan datang. IP mengekalkan pertumbuhan tahunan positifnya pada 4.1 peratus pada Julai 2022 walaupun lebih rendah berbanding 5.3 peratus yang dicatatkan pada Jun 2022.


Indeks Pelopor

109.5
JULAI 2022




Kadar Pengangguran

3.7%
JULAI 2022




Pengeluaran Buah Tandan Segar

3.8%
OGOS 2022




Pengeluaran Getah Asli

-21.8%
JULAI 2022




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

12.5%
JULAI 2022



Nilai Jualan Sektor Pembuatan


23.8%
JULAI 2022



BAROMETER EKONOMI


Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

33.7%
JULAI 2022




Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

41.0%
JULAI 2022




Eksport

48.2%
OGOS 2022




Import

67.6%
OGOS 2022




Indeks Harga Pengguna (IHP)

4.7%
OGOS 2022



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

6.8%
OGOS 2022



Ekonomi Dunia

Dasar sifar-COVID China dan krisis Ukraine telah memperlahankan pertumbuhan ekonomi global, peningkatan inflasi dan gangguan rantaian bekalan. Unjuran *International Monetary Fund* (IMF) bagi pertumbuhan Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) benar adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1** dan KDNK benar Malaysia dijangka berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2022.

Jadual 1: Ramalan Pertumbuhan KDNK Benar oleh IMF bagi Negara-negara Terpilih, 2021 - 2022

Negara	Tahun ke tahun (Peratus perubahan %)	
	2021	Unjuran 2022
United States	5.7	2.3
Euro Area	5.4	2.6
Germany	2.9	1.2
France	6.8	2.3
Italy	6.6	3.0
Spain	5.1	4.0
Japan	1.7	1.7
United Kingdom	7.4	3.2
Canada	4.5	3.4
China	8.1	3.3
India	8.7	7.4
Korea	4.1	2.3
Indonesia	3.7	5.3
Thailand	1.5	2.8
Philippines	5.7	6.7
Malaysia	3.1	5.1

Sumber: *IMF World Economic Outlook*, Julai 2022

Berdasarkan data daripada National Bureau of Statistics China, ekonomi China telah mencatatkan prestasi pertumbuhan suku tahunan paling perlahan selama lebih dua tahun. Pada suku tahun kedua tahun 2022, ekonomi China berada pada julat 0.4 peratus berbanding 4.8 peratus pada suku tahun sebelumnya berdasarkan tahun ke tahun semenjak ia berdepan dengan wabak COVID-19 yang paling teruk. Kelembapan berterusan dalam ekonomi China telah menambah kepada gangguan rantaian bekalan global.

Sementara itu, KDNK Philippines berkembang 7.4 peratus pada suku tahun kedua 2022 dan ia terus mengekalkan pertumbuhan positif selepas suku tahun pertama 2021. Penyumbang utama pertumbuhan bagi suku tahun kedua 2022 adalah sektor Perdagangan borong & runcit dan pembaikan kenderaan bermotor & motosikal yang meningkat 9.7 peratus, Pembinaan dengan 19.0 peratus dan Pengangkutan & penyimpanan meningkat 27.1 peratus. Perubahan dalam dasar berkaitan COVID-19 seperti menghapuskan sekatan pelancongan dan mempercepatkan pelancaran vaksin, adalah antara faktor yang membantu meningkatkan aktiviti ekonomi Philippines.

Statistik Canada menunjukkan KDNK benar bertumbuh 0.1 peratus bulan ke bulan pada Jun 2022. Hampir semua sektor mencatat pertumbuhan positif kecuali sektor Kewangan dan insurans yang menurun kepada 0.6 peratus, sektor Hartanah dan sewa & pajakan susut 0.1 peratus, dan sektor Pembinaan menurun 0.4 peratus, penurunan untuk bulan ketiga berturut-turut berikutan penurunan dalam hampir kesemua subsektornya.

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia meningkat 8.9 peratus pada suku tahun kedua setelah mencatatkan 5.0 peratus pada suku tahun pertama 2022. Oleh itu, ekonomi Malaysia berkembang 6.9 peratus pada separuh tahun pertama 2022 berbanding 7.0 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Prestasi yang lebih baik pada pengeluaran terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan sementara dari segi perbelanjaan, semua komponen perbelanjaan merekodkan pertumbuhan positif diterajui oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta seperti yang ditunjukkan di **Jadual 2**.

Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Malaysia mengikut Kaedah Pengeluaran dan Perbelanjaan, 2019 - 2021 dan Separuh Tahun Pertama 2019 - 2022 (%)


Aktiviti Ekonomi	2019	2020	2021	Separuh Tahun Pertama			
				2019	2020	2021	2022
KDNK pada harga malar	4.4	-5.5	3.1	4.8	-8.3	7.0	6.9
PENGELUARAN							
Pertanian	1.9	-2.4	-0.2	5.1	-4.1	-0.7	-1.2
Perlombongan & pengkuarian	-0.6	-9.7	0.3	1.3	-11.1	2.4	-0.8
Pembuatan	3.8	-2.7	9.5	4.2	-8.7	15.8	7.9
Pembinaan	0.4	-19.3	-5.2	0.8	-25.8	8.3	-2.1
Perkhidmatan	6.2	-5.4	1.9	6.3	-6.6	4.9	9.2
PERBELANJAAN							
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta	7.7	-4.2	1.9	7.8	-5.9	4.3	11.5
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1.5	5.0	5.3	2.9	3.7	6.9	4.7
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-2.1	-14.4	-0.9	-2.0	-17.2	5.5	2.9
Eksport	-1.0	-8.6	15.4	0.4	-14.2	23.3	9.2
Import	-2.4	-7.9	17.7	-1.9	-10.4	22.9	12.6
Eksport Bersih	11.2	-13.7	-4.1	21.9	-42.6	27.7	-27.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada separuh tahun pertama 2022, sektor Perkhidmatan berkembang 9.2 peratus, meningkat daripada 4.9 peratus pada separuh tahun pertama 2021. Prestasi ini didorong oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit, diikuti oleh subsektor Pengangkutan dan penyimpanan. Di samping itu, aktiviti yang berkaitan dengan industri pelancongan, iaitu subsektor Makanan & minuman dan Penginapan pulih pada separuh tahun pertama ini. Walau bagaimanapun, subsektor Kewangan dan insurans menurun selepas mencatatkan prestasi yang menggalakkan pada separuh pertama tahun sebelumnya. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 7.9 peratus (1H 2021: 15.8%), didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam Produk elektrik, elektronik & optikal dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan pada separuh pertama tahun 2022. Sektor ekonomi lain, seperti sektor Perlombongan & pengkuarian, Pembinaan dan Pertanian, mencatatkan aliran menurun pada separuh pertama tahun ini. Sektor Perlombongan & pengkuarian menguncup marginal 0.8 peratus berbanding dengan peningkatan 2.4 peratus pada separuh tahun pertama 2021. Penguncupan ini dipengaruhi oleh penurunan subsektor Minyak mentah dan kondensat. Sektor Pembinaan merosot 2.1 peratus (1H 2021: 8.3%) disebabkan oleh penurunan dalam subsektor Kejuruteraan awam dan Bangunan kediaman. Sektor Pertanian menyusut 1.2 peratus daripada negatif 0.7 peratus pada separuh tahun pertama sebelumnya, terutamanya dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor Pertanian lain dan Getah.

Dari segi permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta yang merupakan komponen terbesar KDNK, melonjak kepada 11.5 peratus (1H 2021: 4.3%). Momentum yang kukuh ini didorong oleh peningkatan penggunaan dalam Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol dan Restoran & hotel. Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan aset tetap bertumbuh 2.9 peratus (1H 2021: 5.5%) didorong oleh pertumbuhan dua digit bagi jentera & peralatan. Walau bagaimanapun, Struktur dan Aset lain mencatatkan penguncupan lebih kecil pada separuh tahun pertama 2022. Perbelanjaan penggunaan akhir Kerajaan menyederhana kepada 4.7 peratus (1H 2021: 6.9%), dipengaruhi oleh perbelanjaan yang lebih perlahan dalam bekalan dan perkhidmatan. Import berkembang sebanyak 12.6 peratus (1H 2021: 22.9%) berbanding Eksport yang bertumbuh 9.2 peratus (1H 2021: 23.3%). Ini menyebabkan penguncupan dalam Eksport bersih pada separuh tahun pertama 2022.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 - Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pelopor (IP) pada Julai 2022 menandakan prestasi ekonomi yang optimistik pada bulan-bulan akan datang seperti yang ditunjukkan oleh indeks arah aliran jangka panjang terlicin yang terus berada di atas arah aliran, sejajar dengan pelbagai inisiatif dan pentadbiran kerajaan yang responsif kepada keadaan semasa. IP mengekalkan pertumbuhan tahunan yang positif pada 4.1 peratus pada Julai 2022 walaupun lebih rendah daripada 5.3 peratus yang direkodkan pada Jun 2022. Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain kekal sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan berikutan peningkatan permintaan berkaitan logam berasaskan platinum. Dari perspektif bulanan, IP merosot 2.0 peratus pada bulan rujukan.

PENGGANDA TENAGA DI MALAYSIA: ANALISIS INPUT - OUTPUT

Idzrin Idzwana Ismail, Nur Farhanah Kahal Musakkal, Fuziah Md Amin dan Fariza Kambut

Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Tenaga memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Semakin negara membangun, penggunaan tenaga akan meningkat seiring dengan pertambahan penduduk dan perkembangan sektor ekonomi. Malaysia telah berjaya beralih daripada bergantung sepenuhnya kepada bahan api fosil kepada mempelbagaikan sumber tenaga melalui tenaga boleh diperbaharui. Perubahan positif ini mencerminkan dasar dan strategi tenaga negara bagi mencapai matlamat pembangunan negara selama ini.

Landskap tenaga di Malaysia juga telah berkembang secara beransur-ansur. Sedekad yang lalu, Malaysia telah menyaksikan peningkatan hampir 20 peratus dalam kapasiti penjanaan tenaga. Penjanaan elektrik di Malaysia diunjurkan terus meningkat pada kadar purata tahunan 4.7 peratus (Suruhanjaya Tenaga, 2016). Justeru, Malaysia perlu mengekalkan keseimbangan dalam campuran bahan api biarpun masih lagi bergantung kepada arang batu dan gas asli.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Dasar Tenaga Negara 1979, Dasar Kepelbagaian Bahan Api 1981, Dasar Bahan Api dalam beberapa siri Rancangan Malaysia dan terkini telah melancarkan Dasar Tenaga Negara 2022 - 2040. Fokus utama diberikan kepada cara penghasilan tenaga bersih dan mampan dengan kos efektif bagi kecekapan tenaga atau pengurangan intensiti tenaga. Intensiti tenaga yang lebih rendah menunjukkan penjimatan tenaga dan membantu mengurangkan kesan kepada gas rumah hijau.

KAJIAN LITERATUR

Dalam dunia moden & digital ini, tenaga menjadi keperluan penting. Kesejahteraan dan kemakmuran di seluruh dunia berhubung-kait secara langsung dengan peningkatan penggunaan tenaga. Permintaan yang semakin meningkat terhadap tenaga yang selamat dan mesra kepada alam sekitar merupakan cabaran utama. Automasi dan pemodenan menunjukkan peningkatan dalam sektor perindustrian. Rahman dan Lee (2006) mendapati bahawa permintaan tenaga di Malaysia meningkat dengan pesat. Petunjuk intensiti tenaga industri dan nisbah input kos tenaga kepada output industri seringkali digunakan sebagai asas untuk membuat keputusan dasar.

Gustavo dan Francisco (2013), intensiti tenaga mengukur nisbah antara penggunaan tenaga akhir dan KDNK. Lazimnya, intensiti tenaga digunakan sebagai salah satu petunjuk kecekapan tenaga. Ia boleh diukur untuk sektor ekonomi individu atau secara bersama. Menurut Sarbapriya (2011), intensiti tenaga adalah petunjuk untuk menilai kecekapan tenaga yang digunakan dalam ekonomi. Selain itu, Che dan Pham (2012) menyatakan bahawa intensiti tenaga boleh dipengaruhi oleh banyak faktor termasuk harga tenaga, kecenderungan isi rumah, perkembangan teknologi dan dasar Kerajaan.

Saidur et al. (2007) mendedahkan bahawa keperluan tenaga adalah sensitif kepada kadar pertumbuhan ekonomi dan intensiti tenaga sektor perindustrian. Intensiti tenaga bagi sektor pengeluaran adalah bergantung kepada kemajuan teknologi dan berbeza dari mengikut sektor. Sarbapriya (2011) merumuskan bahawa permintaan untuk tenaga, khususnya untuk tenaga komersial, telah berkembang pesat seiring dengan pertumbuhan ekonomi, perubahan dalam struktur demografi, peningkatan urbanisasi, pembangunan sosioekonomi dan keinginan untuk mencapai dan mengekalkan kemandirian bagi sebahagian sektor dalam ekonomi.

Liu et al. (2006) menganalisis intensiti tenaga Zhenzhou China antara 1995 dan 2000 dan mendapati bahawa secara keseluruhan intensiti tenaga menurun dan penjimatan tenaga langsung adalah sebanyak 49 peratus dan tidak langsung sebanyak 51 peratus. Menggunakan siri data untuk tempoh 1980-1995, Farla dan Kornelis (2000) menyiasat aliran intensiti tenaga di Belanda dan hasilnya menunjukkan penurunan intensiti tenaga tahunan sebanyak 1.4%.

Satu lagi contoh jelas daripada kajian lepas ialah kajian yang dijalankan oleh Priambodo dan Kumar (2001) menyiasat intensiti penggunaan tenaga dalam sektor perindustrian Indonesia bagi tahun 1993. Mereka mendapati sektor makanan mencatatkan intensiti tenaga tertinggi manakala sektor tekstil mencatatkan intensiti tenaga terendah. Di samping itu, Tiwari (2000) menganalisis intensiti tenaga mengikut sektor di India bagi tahun 1984 dan 1990 mendapati sektor tertentu menunjukkan aliran menurun manakala beberapa sektor menunjukkan arah aliran menaik.

Selain intensiti, terdapat juga kajian menggunakan analisis input output. Hussain (2011) berkongsi bahawa analisis input - output adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh pembuat dasar untuk memprojeksi, mereka bentuk dan membuat keputusan mengenai program pembangunan negara. Ia menggambarkan struktur ekonomi sedia ada, menyediakan maklumat dan hubung-kait antara sektor ekonomi dan juga menunjukkan kepentingan relatif keadaan sektor individu.

Raa, (2006) menegaskan bahawa analisis input-output digunakan untuk mengukur kesan ke atas perubahan dalam elemen ekonomi seperti penggunaan isi rumah, perbelanjaan kerajaan, pembentukan modal tetap kasar dan eksport kepada model ekonomi tersebut Konsep pengganda bergantung pada perbezaan antara kesan awal perubahan eksogen dan jumlah kesan perubahan itu (Miller & Blair, 2009).

Bekhet dan Yasmin (2014) menggunakan analisis input-output untuk mengkaji kesan rancangan insentif kerajaan Malaysia untuk pembaharuan ekonomi. Mereka mendapati bahawa penurunan dalam eksport membawa kepada penurunan 13 peratus dalam KDNK dan pengurangan 16 peratus dalam penggunaan tenaga. Oleh itu, pelan insentif membawa kepada peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi (1.83%) dan penggunaan tenaga (4.64%).

Selain itu, untuk mengkaji kesan emas, arang batu, dan aktiviti perlombongan lain ke atas ekonomi Afrika Selatan bagi tempoh 1971-1993, Stilwell et al. (2000) menggunakan analisis input-output. Penemuan mereka mendedahkan bahawa hubungan antara perlombongan dan seluruh ekonomi adalah tidak mencukupi.

Terdapat juga kajian, yang memberi tumpuan kepada penggunaan tenaga dan prestasi sektor Pembuatan Malaysia semasa krisis kewangan global oleh Bekhet et al. (2016). Dengan menggunakan pengganda output sektor Pembuatan antara 2005 dan 2010, mereka menyimpulkan bahawa krisis kewangan global mempunyai kesan yang ketara ke atas eksport sektor Pembuatan dan akhirnya mengurangkan penggunaan tenaga.

Ramai penyelidik telah mengkaji perkaitan tenaga dalam pertumbuhan ekonomi. Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti kesan tenaga ke atas aktiviti ekonomi dengan pelbagai andaian dalam model pertumbuhan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji apakah sektor ekonomi di Malaysia yang menggunakan tenaga secara intensif dan untuk mengenalpasti kesan langsung dan kesan tidak langsung ke atas setiap sektor ekonomi apabila berlaku perubahan dalam permintaan.

PENERANGAN DATA DAN METODOLOGI

Data Input-Output adalah daripada penerbitan Jadual Input-Output bagi tahun 2015 dan 2010 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Kesemua data telah dikumpulkan semula mengikut Klasifikasi Perindustrian Standard Malaysia (MSIC) kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala, data penggunaan akhir produk tenaga adalah daripada penerbitan MySEEA PSUT Tenaga bagi tahun 2015 dan 2010.

1. Intensiti Tenaga

Intensiti tenaga mengukur berapa banyak tenaga memberi manfaat kepada ekonomi. Ini boleh dikira dengan mengambil nisbah penggunaan tenaga akhir kepada nilai ditambah pada harga malar. Nilai ini akan menunjukkan betapa efektif sesebuah ekonomi menggunakan produk tenaga (cth. gas asli, LNG, minyak mentah, arang batu, petrol dll.). Intensiti tenaga yang rendah menunjukkan harga atau kos yang lebih rendah untuk menukar tenaga kepada nilai ditambah dan sebaliknya.

2. Analisis Pengganda

Analisis pengganda digunakan untuk menilai kesan pertumbuhan permintaan akhir terhadap penggunaan tenaga. Ia mengukur saling kebergantungan antara sektor dalam ekonomi. Kajian ini akan mengkaji kesan langsung dan kesan tidak langsung apabila perubahan berlaku dalam permintaan akhir, isi rumah dan komponen eksport.

Model pengganda asas dalam input-output adalah seperti berikut:

$$X_t = (I-A)^{-1} * f_t \quad (1)$$

Yang mana:

- x - Vektor produk domestik
- I - Matriks Identiti
- A - Matriks pekali input domestik
- f - Vektor permintaan akhir
- t - 2010, 2015

Daripada persamaan (1), ia ditukar untuk menganggarkan pengganda tenaga dan model adalah seperti berikut:

$$E_t = (I-A)^{-1} * f_t * e_t \quad (2)$$

Yang mana:

- e - Vektor tenaga dibahagikan dengan jumlah output
- I - Penggunaan tenaga baharu


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

1. Intensiti Tenaga Penggunaan Akhir mengikut Sektor

Penggunaan tenaga akhir di Malaysia bagi tahun 2015 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2010 selari dengan KDNK tahunan. Intensiti tenaga dalam semua sektor kecuali Pembinaan menurun sepanjang tempoh kajian. Ini menunjukkan bahawa sektor Pertanian, Perlombongan, Pembuatan dan Perkhidmatan adalah lebih efektif menggunakan tenaga pada tahun 2015 berbanding tahun 2010. Sebaliknya, terdapat peningkatan intensiti tenaga bagi sektor Pembinaan.

Pada 2015, sektor Pembuatan menggunakan tenaga paling intensif dalam ekonomi Malaysia iaitu 76.6 tonne of oil equivalent (toe) bagi setiap RM1 juta pengeluaran nilai ditambah. Sebaliknya, sektor Pertanian adalah tenaga paling tidak intensif digunakan pada 8.7 kaki setiap RM1 juta pengeluaran nilai tambah.

Carta 1a: Intensiti Tenaga mengikut Sektor, 2010 dan 2015



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis intensiti tenaga mengikut sektor boleh digunakan sebagai petunjuk untuk menentukan sektor mana yang ketinggalan berbanding sektor lain dalam pengurangan penggunaan tenaga melalui perbandingan trend penggunaan tenaga. Boleh dikatakan pengeluar lebih efektif mengeluarkan produk siap atau mengurangkan penggunaan tenaga disebabkan oleh peralihan ke arah pengeluaran produk siap yang mengurangkan penggunaan tenaga apabila dapat dilihat penurunan ketara dalam intensiti tenaga sesuatu sektor.

2. Analisis Pengganda

2.1. Kesan Pertumbuhan Permintaan Akhir Terhadap Penggunaan Tenaga

Jadual 1a menunjukkan kesan pengganda ke atas produk tenaga dengan peningkatan hipotetikal sebanyak 10 peratus ke atas permintaan akhir dalam lima sektor ekonomi utama Malaysia. Trend impak untuk 2015 dan 2010 adalah hampir sama. Peningkatan permintaan akhir dalam sektor Pembuatan akan memberi kesan tertinggi kepada penggunaan tenaga untuk tahun 2015 dan 2010. Bagi tahun 2015, peningkatan sebanyak 10 peratus ke atas permintaan akhir bagi sektor Pembuatan akan memberi kesan secara langsung kepada peningkatan penggunaan tenaga dalam sektor tersebut sebanyak 7,261.8 kilo tonne of oil equivalent (ktoe) atau 7.8 peratus. Pada masa yang sama, ia juga secara tidak langsung akan memberi kesan kepada peningkatan penggunaan tenaga dalam sektor Perlombongan (3.8%), Pertanian (3.7%), Perkhidmatan (1.6%) dan sektor Pembinaan (0.3%).

Sebaliknya, kesan terkecil ke atas penggunaan tenaga bagi tahun rujukan ialah sektor Pertanian. Pada tahun 2015, peningkatan 10 peratus dalam permintaan akhir bagi sektor Pertanian akan memberi kesan secara langsung kepada penggunaan tenaga dalam sektor tersebut dengan peningkatan sebanyak 36.9 ktoe (4.5%). Pada masa yang sama, ia juga memberi kesan tidak langsung kepada kadar peningkatan penggunaan tenaga dalam sektor Pembuatan (83.2 ktoe), Perkhidmatan (29.2 ktoe), Perlombongan (0.4 ktoe) dan Pembinaan (0.2 ktoe).

Jadual 1a: Kesan Pengganda Permintaan Akhir terhadap Penggunaan Tenaga, 2010 dan 2015

Sektor	Pertanian				Perlombongan				Pembuatan				Pembinaan				Perkhidmatan			
	2010		2015		2010		2015		2010		2015		2010		2015		2010		2015	
	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%
Pertanian	41,113.3	3.2	36,929.7	4.5	337.6	0.0	245.5	0.0	71,183.2	5.5	30,588.0	3.7	3,186.9	0.2	3,275.1	0.4	13,333.9	1.0	11,025.5	1.3
Perlombongan	604.6	0.0	400.1	0.0	52,868.6	4.1	41,946.6	4.7	63,822.7	4.9	33,381.0	3.8	5,102.1	0.4	5,813.4	0.7	7,790.6	0.6	6,989.5	0.8
Pembuatan	63,046.0	0.1	83,187.3	0.1	30,885.8	0.0	40,652.2	0.0	7,064,512.5	8.6	7,261,767.9	7.8	301,445.4	0.4	658,379.5	0.7	771,995.7	0.9	1,297,013.0	1.4
Pembinaan	337.0	0.0	199.5	0.0	342.6	0.0	559.2	0.0	5,142.5	0.7	4,685.9	0.3	63,078.5	8.4	125,729.9	8.4	6,319.8	0.8	18,300.5	1.2
Perkhidmatan	42,381.7	0.1	29,166.3	0.1	19,138.0	0.0	24,580.5	0.0	826,669.9	1.8	829,335.2	1.6	98,359.4	0.2	213,907.3	0.4	3,680,326.2	7.9	4,077,733.4	7.9
JUMLAH	147,482.6		149,882.9		103,572.7		107,984.0		8,031,330.8		8,159,758.1		471,172.1		1,007,105.0		4,479,766.3		5,411,061.9	

2.2. Kesan Pertumbuhan Isi Rumah Terhadap Penggunaan Tenaga

Jadual 1b menunjukkan kesan pengganda terhadap penggunaan tenaga dengan peningkatan sebanyak 10 peratus ke atas penggunaan isi rumah dalam lima sektor ekonomi utama Malaysia. Peningkatan dalam sektor Perkhidmatan akan memberi impak tertinggi kepada penggunaan tenaga bagi tahun 2015 dan 2010. Ianya dapat dilihat dengan peningkatan sebanyak 10 peratus ke atas penggunaan isi rumah bagi sektor Perkhidmatan pada tahun 2015, penggunaan tenaga dalam sektor tersebut secara langsung meningkat sebanyak 4.1 peratus. Secara tidak langsung ianya juga memberi kesan kepada peningkatan penggunaan tenaga dalam sektor Pertanian (0.7%), Pembuatan (0.7%), Pembinaan (0.6%) dan sektor Perlombongan (0.4%).

Jadual 1b: Kesan Pengganda Isi Rumah terhadap Penggunaan Tenaga, 2010 dan 2015

Sektor	Pertanian				Perlombongan				Pembuatan				Pembinaan				Perkhidmatan			
	2010		2015		2010		2015		2010		2015		2010		2015		2010		2015	
	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%
Pertanian	22,218.0	1.7	26,632.7	3.2	1.2	0.0	1.1	0.0	10,204.5	0.8	8,269.9	1.0	313.8	0.0	3.0	0.0	6,942.6	0.5	5,750.2	0.7
Perlombongan	326.7	0.0	288.5	0.0	194.1	0.0	180.5	0.0	9,149.3	0.7	9,025.0	1.0	502.4	0.0	5.4	0.0	4,056.3	0.3	3,645.3	0.4
Pembuatan	34,070.6	0.0	59,992.5	0.1	113.4	0.0	174.9	0.0	1,012,734.6	1.2	1,963,315.6	2.1	29,680.3	0.0	609.1	0.0	401,955.1	0.5	676,443.5	0.7
Pembinaan	182.1	0.0	143.9	0.0	1.3	0.0	2.4	0.0	737.2	0.1	1,266.9	0.1	6,210.7	0.8	116.3	0.0	3,290.6	0.4	9,544.4	0.6
Perkhidmatan	22,903.4	0.0	21,034.0	0.0	70.3	0.0	105.8	0.0	118,507.4	0.3	224,221.8	0.4	9,684.5	0.0	197.9	0.0	1,916,235.7	4.1	2,126,699.0	4.1
JUMLAH	79,700.9		108,091.6		380.3		464.7		1,151,333.0		2,206,099.2		46,391.6		931.7		2,332,480.2		2,822,082.5	

Jadual 1c di bawah menunjukkan kesan pengganda ke atas produk tenaga dengan peningkatan sebanyak 10 peratus ke atas eksport dalam setiap sektor ekonomi. Peningkatan eksport dalam sektor Pembuatan akan memberi kesan terbesar kepada penggunaan tenaga bagi tahun 2015 dan 2010. Pada tahun 2015, peningkatan 10 peratus ke atas eksport dalam sektor Pembuatan akan memberi kesan kepada peningkatan penggunaan tenaga dalam sektor tersebut secara langsung sebanyak 5,173.7 ktoe atau 5.5 peratus. Ini juga secara tidak langsung akan membawa kepada peningkatan penggunaan tenaga dalam sektor Pertanian (2.7%), Perlombongan (2.7%), Perkhidmatan (1.1%) dan Pembinaan (0.2%).

Sebaliknya, sektor Pembinaan boleh dikatakan paling kurang terkesan oleh peningkatan penggunaan tenaga bagi tahun-tahun yang dikaji. Peningkatan 10 peratus eksport dalam Sektor Perlombongan pada tahun 2015 secara langsung akan membawa kepada peningkatan penggunaan tenaga sebanyak 3.6 ktoe. Di samping itu, ini mempunyai kesan tidak langsung untuk kadar peningkatan penggunaan tenaga Sektor pembuatan (18.6 ktoe), Perkhidmatan (6.1 ktoe), Perlombongan (0.2 ktoe) dan sektor Pertanian (92.7 toe).

Jadual 1c: Kesan Penggandaan Eksport terhadap Penggunaan Tenaga, 2010 dan 2015

Sektor	Pertanian				Perlombongan				Pembuatan				Pembinaan				Perkhidmatan			
	2010		2015		2010		2015		2010		2015		2010		2015		2010		2015	
	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%	Nilai	%
Pertanian	14,574.9	1.1	7,470.9	0.9	339.4	0.0	222.5	0.0	57,542.5	4.5	21,792.8	2.7	246.5	0.0	92.7	0.0	2,972.9	0.2	2,247.2	0.3
Perlombongan	214.3	0.0	80.9	0.0	53,150.0	4.1	38,016.1	4.3	51,592.4	4.0	23,782.7	2.7	394.7	0.0	164.5	0.0	1,737.0	0.1	1,424.6	0.2
Pembuatan	22,350.2	0.0	16,828.8	0.0	31,050.2	0.0	36,843.0	0.0	5,710,747.7	6.9	5,173,733.1	5.5	23,318.0	0.0	18,625.7	0.0	172,124.6	0.2	264,353.8	0.3
Pembinaan	119.5	0.0	40.4	0.0	344.5	0.0	506.8	0.0	4,157.1	0.6	3,338.5	0.2	4,879.4	0.6	3,556.9	0.2	1,409.1	0.2	3,730.0	0.2
Perkhidmatan	15,024.5	0.0	5,900.4	0.0	19,239.9	0.0	22,277.3	0.0	668,256.0	1.4	590,869.7	1.1	7,608.5	0.0	6,051.5	0.0	820,567.4	1.8	831,113.1	1.6
JUMLAH	52,283.4		30,321.3		104,123.9		97,865.8		6,492,295.7		5,813,516.9		36,447.1		28,491.2		998,810.9		1,102,868.7	

KESIMPULAN

Tenaga merupakan sumber penting yang membawa kepada pembangunan ekonomi dan sosial serta meningkatkan kualiti hidup rakyat sesebuah negara. Bagaimanapun faktor berkaitan tenaga juga boleh mengakibatkan masalah kepada alam sekitar di sesebuah negara. Oleh itu, tenaga dan alam sekitar konsep sangat berkait rapat.

Sepanjang tempoh kajian, sektor Pembuatan kekal sebagai sektor yang menggunakan tenaga secara intensif. Tenaga adalah input penting dalam proses pengeluaran. Pada masa yang sama, dapatan daripada analisis pengganda menunjukkan bahawa penggunaan tenaga dan pertumbuhan ekonomi mempunyai hubung-kait positif yang sangat kuat. Semakin ekonomi berkembang semakin tinggi permintaan terhadap tenaga. Dapatan ini disokong oleh Bekhet et al. (2016), yang membuat kesimpulan bahawa terdapat hubung-kait yang kuat antara pertumbuhan ekonomi dan penggunaan tenaga.

Sebaliknya, korelasi negatif wujud antara tenaga dan perlindungan alam sekitar. Heshmati et al. (2015), mendedahkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara perubahan iklim dan pelepasan karbon dioksida (CO₂). Kebanyakan pelepasan CO₂ terhasil dari pembakaran bahan api fosil. Justeru, penggunaan tenaga dianggap sebagai punca utama perubahan iklim. Dari sudut alam sekitar, kurang penggunaan tenaga berarti kurang pencemaran udara. Seiring pembangunan negara, kepekatan karbon dioksida di atmosfera telah meningkat dengan ketara dan pemanasan global telah meningkat secara serius yang sekaligus telah mengancam ekosistem dunia. Menyedari situasi ini, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan mewujudkan pelbagai dasar untuk menangani masalah ini.

Walaupun kita amat menginginkan pemodenan dan menjadi negara maju, adalah perlu untuk memikirkan akibat dari penggunaan tenaga yang tinggi. Sejauh mana negara akan tenggelam dalam usaha pembangunan dan pengorbanan alam semula jadi kerana penggunaan tenaga lebih tinggi akan menyebabkan pencemaran udara lebih tinggi yang akhirnya akan menyebabkan perubahan iklim.

Penyelidikan lanjut yang lebih menyeluruh perlu dilakukan terutamanya menggunakan data tahun 2020 yang dikenali sebagai tahun tidak normal akibat penularan wabak COVID-19. Dicadangkan bahawa analisis dengan kaedah yang berbeza seperti analisis hubung-kait dan kaedah decoupling digunakan. Adalah menarik untuk memberikan bukti tambahan dari negara lain untuk menentukan sama ada dapatan kajian ini boleh digunakan kepada negara Asia atau membangun yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Mohamed dan Keat Teong Lee, 2006. *Energy for sustainable development in Malaysia: Energy policy and alternative energy*. *Energy Policy*. Vol-34. pp-2388–2397
- Almas Heshmati, Shahrouz Abolhosseini dan Jörn Altmann, 2015, *The Energy and Environment Relationship. The Development of Renewable Energy Sources and its Significance for the Environment*, DOI 10.1007/978-981-287-462-7_2
- Architrandi Priambodo dan S. Kumar, 2001. *Energy use and carbon dioxide emission of Indonesian small and medium scale industries*. *Energy Conservation and Management*. Vol 42 pp1335-1348.
- Bekhet, H.A., Yasmin, T., 2014. *Assessment the global financial crisis Effects on energy consumption and economic growth in Malaysia: An input–output analysis*, *International Economics* 140, 49-70.
- Bekhet, H.A., Abdullah, T.A.R., & Yasmin, T. (2016). *Measuring Output Multipliers of Energy Consumption and Manufacturing Sectors in Malaysia during the Global Financial Crisis*. *Journal of Procedia Economics and Finance* 35, 179-188.
- Che, N and Pham, P. (2012): *Economic Analysis of End-use Energy Intensity in Australia*. Canberra. Bureau of Resources and Energy Economics (BREE).
- Farla J.C.M, dan Kornelis B. (2000). *The use of physical indicators for the monitoring of energy intensity developments in the Netherlands, 1980–1995*. *Energy*. vol -25. pp 609–638.
- Gustavo, A.M. dan Francisco, J.R. (2013). *Activity Sectors and Energy Intensity: Decomposition Analysis and Policy Implications for European Countries (1991–2005)*. *Journal of Energies* 2013, 6.
- Hussain Ali Bekhet. (2011). *Output, Income and Employment Multiplier in Malaysian Economy: Input-Output Approach*, *International Business Research*, Vol.4, No.1, January 2011.
- Liru Liu, Lu Aye, Zhongwu Lu, Peihong Zhang, 2006. *Analysis of the overall energy intensity of alumina refinery process using unit process energy intensity and product ratio method*. *Energy*. Vol-31. pp1167-1176
- Miller, R.E., Blair, P.D., 2009. *Input-Output Analysis: Foundations and Extensions*, Cambridge University Press, New York.
- Piyush Tiwari, 2000. *An analysis of sectoral energy intensity in India*. *Energy Policy*. Vol 28, pp771-778
- Raa, T.T., 2006. *The Economics of Input-Output Analysis*, Cambridge University Press, Cambridge.
- Saidur, R., Hasanuzzaman, M., Sattar, M.A., Masjuki, H.H., Irfan, M.A. dan Mohiuddin, A.K.M. (2007). *An Analysis of Energy Use, Energy Intensity and Emissions at the Industrial Sector of Malaysia*. *International Journal of Mechanical and Materials Engineering (IJMME)*, Vol. 2 (2007), No. 1, 84-92.
- Sarbapriya, R., (2011). *Measuring Energy Intensity in Selected Manufacturing Industries in India*. *Journal of Energy Technologies and Policy*, Vol.1, No.1.
- Stilwell, L.C., Minnitt, R.C.A., Monson, T.D. and Kuhn, G. (2000). *An input-output analysis of the impact of mining on the South African economy*. *Resource. Policy* 26: 17–30.
- Suruhanjaya Tenaga. (2016), *National Energy Balance 2016*. Malaysia. ST Publication.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 9/ 2022

PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Ogos 2022: 8,869,329 tan metrik ▲ 3.8%
Jul 2022: 8,015,968 tan metrik ▲ 3.3%



Pengeluaran Getah Asli

Jul 2022: 38,006 tan metrik ▼ -21.8%
Jun 2022: 31,369 tan metrik ▼ 19.2%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Jul 2022: ▲ 12.5%
Jun 2022: ▲ 12.1%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Jul 2022: RM148.4b ▲ 23.8%
Jun 2022: RM153.5b ▲ 23.4%



Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Jul 2022: RM130.7b ▲ 41.0%
Jun 2022: RM132.8b ▲ 44.0%

SEKTOR LUARAN

Eksport



Ogos 2022: RM141.3b ▲ 48.2%
Jul 2022: RM134.1b ▲ 38.0%
Jun 2022: RM146.0b ▲ 38.7%

Import



Ogos 2022: RM124.4b ▲ 67.6%
Jul 2022: RM118.6b ▲ 41.9%
Jun 2022: RM124.2b ▲ 49.2%

PASARAN BURUH

Bilangan Penduduk Bekerja



Jul 2022: 15.98 juta orang ▲ 4.5%
Jun 2022: 15.94 juta orang ▲ 4.2%

Kadar Pengangguran



Jul 2022: 3.7%
Jun 2022: 3.8%

HARGA

Indeks Harga Pengguna (IHP)



Ogos 2022: ▲ 4.7%
Jul 2022: ▲ 4.4%
Jun 2022: ▲ 3.4%

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)




Ogos 2022: ▲ 6.8%
Jul 2022: ▲ 7.6%
Jun 2022: ▲ 10.9%

PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Ogos 2022 meningkat 10.6 peratus, kepada 8,869,329 tan metrik berbanding 8,015,968 tan metrik pada bulan sebelumnya (**Carta 2**). Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding Ogos 2021 (8,548,348 tan metrik).

Carta 2: Pengeluaran Buah Tandam Segar, Julai 2021 - Ogos 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata penghasilan buah tandan segar meningkat kepada 1.45 tan metrik/ha berbanding Julai 2022 (1.28 tan metrik/ha) seperti yang ditunjukkan di **Jadual 3**. Semenanjung Malaysia merekodkan purata pengeluaran sebanyak 1.53 tan metrik/ha, 9.3 peratus meningkat dari 1.40 tan metrik/ha pada Julai 2022. Purata pengeluaran hasil buah tandan segar di Sabah/Sarawak juga melonjak 16.9 peratus kepada 1.38 tan metrik/ha (Julai 2022: 1.18 tan metrik/ha).


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandam Segar mengikut Kawasan, Ogos 2021 - Ogos 2022 (Tan Metrik/ Ha)

Wilayah	2021					2022							
	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos
Malaysia	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26	1.10	0.99	1.18	1.17	1.20	1.27	1.28	1.45
Semenanjung Malaysia	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24	1.08	1.07	1.32	1.28	1.30	1.38	1.40	1.53
Sabah/ Sarawak	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27	1.12	0.93	1.06	1.08	1.11	1.17	1.18	1.38

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Berdasarkan kepada prestasi bulan ke bulan, sektor perkilangan menunjukkan peningkatan pada bulan Ogos 2022. Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 9.7 peratus (Ogos 2022: 1,725,781 tan metrik; Julai 2022: 1,573,560 tan metrik) dan 10.6 peratus (Ogos 2022: 424,234 tan metrik; Julai 2022: 383,669 tan metrik). Begitu juga, pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung masing-masing turut meningkat sebanyak 5.9 peratus (Ogos 2022: 191,347 tan metrik; Julai 2022: 180,612 tan metrik) dan 5.7 peratus (Ogos 2022: 215,976 tan metrik; Julai 2022: 204,418 tan metrik).


Carta 3: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Julai 2021 - Ogos 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit pada Ogos 2022 menyusut 1.9 peratus kepada 1,299,654 tan metrik berbanding 1,325,342 tan metrik pada Julai 2022. India kekal sebagai negara pengimport tertinggi iaitu sebanyak 234,072 tan metrik, menyumbang 18.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit diikuti China (9.7%), Iran (6.8%), Kenya (6.2%) dan Netherlands (6.1%).


Carta 4: Eksport Minyak Sawit, Julai 2021 - Ogos 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import produk berkaitan minyak sawit menunjukkan peningkatan pada Ogos 2022 kecuali import minyak isirung sawit. Import bagi minyak sawit dan isirung sawit masing-masing meningkat 11.4 peratus (Ogos 2022: 145,452 tan metrik; Julai 2022: 130,615 tan metrik) dan 86.9 peratus (Ogos 2022: 1,912 tan metrik; Julai 2022: 1,023 tan metrik). Sebaliknya, import minyak isirung sawit menurun 18.6 peratus kepada 14,754 tan metrik berbanding 18,127 tan metrik berbanding bulan sebelumnya.

Carta 5: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Julai 2021 - Ogos 2022




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli merekodkan peningkatan 21.2 peratus pada Julai 2022 kepada 38,006 tan metrik berbanding 31,369 tan metrik pada bulan sebelumnya. Seperti yang ditunjukkan pada **Carta 6**, pengeluaran tahunan menurun 21.8 peratus berbanding 48,610 tan metrik pada bulan yang sama tahun 2021.

Carta 6: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2021 - Julai 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil menyumbang 88.5 peratus (33,634 tan metrik) bagi pengeluaran getah asli pada Julai 2022, manakala yang selebihnya disumbangkan oleh sektor estet dengan 11.5 peratus (4,372 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan pengeluaran bagi kedua-dua sektor meningkat masing-masing kepada 23.2 peratus dan 7.4 peratus.

Berdasarkan analisis perbandingan harga purata bulanan, Lateks Pekat menurun 15.9 peratus (Julai 2022: 532.28 sen sekilogram, Jun 2022: 632.69 sen sekilogram) manakala bagi jenis Sekerap menurun 2.8 peratus (Julai 2022: 566.13 sen sekilogram, Jun 2022: 582.21 sen sekilogram). Pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) menurun 2.4 hingga 15.7 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapore/Malaysia) masing-masing menurun 4.9 peratus (daripada USD1.64/kg kepada USD1.56/kg) dan 12.4 peratus (daripada USD2.03/kg kepada USD1.78/kg).


Carta 7: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Julai 2021 dan Jun - Julai 2022



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun 20.1 peratus pada Julai 2022 kepada 224,591 tan metrik berbanding 281,051 tan metrik pada Jun 2022 (**Carta 8**). Begitu juga, penggunaan domestik juga menunjukkan penurunan 3.3 peratus kepada 35,130 tan metrik berbanding 36,316 tan metrik pada Jun 2022.

Carta 8: Stok Getah Asli, Januari 2021 - Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 53,771 tan metrik pada Julai 2022, menurun 8.4 peratus berbanding Jun 2022 (58,685 tan metrik). China terus menjadi pengimport tertinggi getah asli iaitu 48.1 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Julai 2022 diikuti Germany (6.4%), United States of America (USA) (4.2%), Finland (3.4%) dan Pakistan (3.0%).

Sarung tangan getah merupakan eksport utama produk berasaskan getah yang mencatatkan RM2.5 bilion pada Julai 2022, menurun sebanyak 23.1 peratus berbanding Jun 2022 (RM3.2 bilion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah United States of America (USA) dengan nilai RM855.4 juta, China (RM127.5 juta) dan Germany (RM156.7 juta) seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 4**.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, Jun - Julai 2022

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Jun 2022	Julai 2022	Jun 2022	Julai 2022
United States of America	34,311	25,576	1,144.1	855.4
China	9,240	6,046	200.0	127.5
Germany	7,901	5,665	234.2	156.7
Japan	6,201	4,867	215.2	159.1
Brazil	4,829	3,897	91.2	74.1
India	2,119	2,930	40.7	50.3
United Kingdom	2,763	2,808	74.6	80.1
Italy	2,912	2,621	71.0	64.3
Russia	2,803	2,095	70.1	51.7
Spain	2,418	2,090	55.1	50.1


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia pada Julai 2022 merekodkan pertumbuhan dua digit bagi tempoh dua bulan berturut-turut sejak Jun 2022 disokong terutamanya oleh perbelanjaan domestik yang semakin meningkat, peningkatan permintaan luaran yang berterusan dan turut dipengaruhi oleh kesan asas yang rendah pada Julai 2021.

IPP pada bulan Julai 2022 melonjak sebanyak 12.5 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 9**). Peningkatan IPP ini dipacu oleh sektor Pembuatan, Elektrik dan Perlombongan dengan masing-masing mencatatkan peningkatan 14.9 peratus, 13.2 peratus dan 3.2 peratus.

Carta 9: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Julai 2021 – Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 14.9 peratus pada Julai 2022. Output berorientasikan domestik dan eksport masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 30.9 peratus (Jun 2022: 35.5%) dan 9.5 peratus (Jun 2022: 7.8%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada output berorientasikan domestik adalah pembuatan produk tembakau, 2,699.2 peratus (Jun 2022: 2,765.0%), pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler, 129.9 peratus (Jun 2022: 179.3%) dan pembuatan produk galian bukan logam lain, 34.7 peratus (Jun 2022: 32.2%). Sementara itu, pertumbuhan industri berasaskan eksport adalah disumbangkan oleh pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 18.4 peratus (Jun 2022: 19.4%), pembuatan kayu & produk kayu & gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami & bahan-bahan anyaman, 42.4 peratus (Jun 2022: 17.7%) dan pembuatan perabot, 52.2 peratus (Jun 2022: 24.6%).

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama menunjukkan pertumbuhan positif pada Julai 2022 seperti China, 3.8 peratus (Jun 2022: 3.9%), United States of America (USA), 3.6 peratus (Jun 2022: 3.7%) dan Singapore, 0.6 peratus (Jun 2022: 2.6%). Sebaliknya, Japan dan Republic of Korea masing-masing merekodkan penyusutan 1.8 peratus (Jun 2022: -3.1%) dan 1.3 peratus (Jun 2022: 1.7%).

Output sektor Perlombongan meningkat sebanyak 3.2 peratus pada bulan Julai 2022 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut dipacu oleh pengembangan 12.6 peratus dalam indeks Gas Asli. Sementara itu, indeks Minyak Mentah & Kondensat merosot sebanyak 8.6 peratus.

INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Julai 2022 berjumlah RM148.4 bilion, berkembang 23.8 peratus (Jun 2022: 23.4%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2021 (**Carta 10**). Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (26.1%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (19.1%) dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka (44.2%).

Di samping itu, eksport Malaysia pada Julai 2022 mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 38.0 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya mencecah RM134.1 bilion. Pertumbuhan eksport dirangsang oleh permintaan yang lebih tinggi bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum bertapis dan gas asli cecair. Eksport ke pasaran utama terutamanya ASEAN, USA, Kesatuan Eropah (EU) dan Japan mencatatkan pertumbuhan dua digit. Eksport barangan perkilangan yang mewakili 83.7 peratus daripada jumlah eksport meningkat 35.4 peratus berjumlah RM112.3 bilion bagi perbandingan tahun ke tahun.

Carta 10: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Julai 2021 – Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada Julai 2022 adalah seramai 2.30 juta orang, bertambah 4.1 peratus berbanding 2.21 juta orang pada Julai 2021 (Jun 2022: 3.7%). Peningkatan jumlah pekerja terutamanya disokong oleh industri Elektrik & Elektronik (6.7%), Kelengkapan Pengangkutan & Pembuatan Lain (5.7%) dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka (3.2%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 7.1 peratus kepada RM7.7 bilion pada Julai 2022 berbanding bulan yang sama tahun 2021 (Jun 2022: 6.2%). Selain itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 2.9 peratus kepada RM3,350 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 18.9 peratus kepada RM64,510 (Julai 2021: RM54,267).

Sektor Pembuatan dijangka akan meneruskan momentumnya pada Ogos 2022 berikutan eksport negara yang kekal berdaya tahan sementara kekangan bekalan mula berkurangan dan tekanan harga semakin reda.


Perdagangan Borong & Runcit

Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan RM130.7 bilion, bertumbuh 41.0 peratus tahun ke tahun pada Julai 2022. Secara umumnya, peningkatan keseluruhan RM38.0 bilion atau 41.0 peratus disebabkan oleh asas yang rendah pada tahun 2021.

Prestasi Nilai Jualan

Prestasi Perdagangan Borong & Runcit disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Runcit yang meningkat sebanyak RM15.4 bilion atau 37.5 peratus kepada RM56.6 bilion. Kenderaan Bermotor juga berkembang dengan 613.8 peratus atau RM12.4 bilion kepada RM14.4 bilion. Dalam tempoh yang sama, Perdagangan Borong menokok 20.6 peratus atau bertambah RM10.2 bilion kepada RM59.7 bilion.

Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit berkurang 1.6 peratus, disumbangkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor yang menyusut 10.5 peratus.

Prestasi Kendaraan Bermotor

Prestasi yang memberangsangkan dalam subsektor Kenderaan Bermotor bulan ini disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang meningkat 431.5 peratus atau RM5.7 bilion kepada RM7.0 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor, Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor, dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal masing-masing dengan 911.6 peratus, 1,062.3 peratus, dan 916.0 peratus (**Carta 11**).

Bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini menurun sebanyak 10.5 peratus disebabkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang menurun sebanyak 21.2 peratus.

Carta 11: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, Julai 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Pertumbuhan subsektor Perdagangan Runcit sebanyak 37.5 peratus pada Julai 2022 disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang meningkat 39.1 peratus atau RM5.9 bilion kepada RM20.8 bilion. Kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Lain 47.1 peratus, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Bahan Api Kenderaan 73.7 peratus, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Peralatan Lain Isi Rumah 28.8 peratus, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Peralatan Komunikasi & Maklumat 17.5 peratus, Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau di Kedai Pengkhususan 20.5 peratus, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Kesenian & Rekreasi 26.3 peratus, Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar 30.5 peratus, dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar 26.6 peratus (**Carta 12**).

Bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 0.8 peratus. Sumbangan utama kenaikan ini direkodkan oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan dan Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Bahan Api Kenderaan masing-masing sebanyak 1.5 peratus dan 1.8 peratus.

Carta 12: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, Julai 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Kenaikan 20.6 peratus dalam subsektor Perdagangan Borong disumbangkan oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong 22.0 peratus. Antara kumpulan yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah Jualan Borong Barangan Isi Rumah 35.0 peratus, Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup 17.8 peratus, Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan 20.0 peratus, Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau 7.2 peratus, Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran 32.5 peratus, dan Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan 10.8 peratus seperti di **Carta 13**.

Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong merekodkan pertumbuhan negatif 1.4 peratus. Penurunan ini disebabkan oleh Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran dan Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan masing-masing sebanyak 5.1 peratus dan 4.4 peratus.

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, Julai 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit bagi Julai 2022 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 33.7 peratus. Pengembangan ini disumbangkan oleh Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Runcit yang meningkat masing-masing 681.6 peratus dan 31.6 peratus. Perdagangan Borong juga mencatatkan pertumbuhan positif 10.8 peratus. Walau bagaimanapun bagi indeks volum pelarasan musim, ia menurun 1.4 peratus bulan ke bulan (**Carta 14**).

Carta 14: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Januari 2021 - Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Perdagangan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 5: Indeks Perdagangan Runcit Bagi Negara-Negara Terpilih, Julai 2022 (Tahun ke Tahun)

Singapore	Hong Kong	United Kingdom	Republic of Korea	Indonesia
15.4	-4.1	-5.7	-1.5	4.1

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Prestasi indeks perdagangan runcit di negara terpilih yang lain, Singapore dan Indonesia mencatatkan pertumbuhan positif pada Julai 2022 seperti di **Jadual 5**. Singapore merekodkan pertumbuhan 15.4 peratus tahun ke tahun. Kenaikan 4.1 peratus tahun ke tahun bagi perdagangan runcit di Indonesia disumbangkan oleh jualan minuman makanan & tembakau meningkat dan lantunan semula dalam jualan alat ganti & aksesori automotif.

Walau bagaimanapun, indeks perdagangan runcit Republic of Korea, Hong Kong dan United Kingdom masing-masing merosot 1.5 peratus, 4.2 peratus dan 5.7 peratus pada Julai 2022 berbanding tahun sebelumnya. Kejatuhan jualan runcit bagi Hong Kong disebabkan kesan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup yang tinggi.

Prospek bagi Ogos 2022

Melihat ke depan bagi prestasi Perdagangan Borong & Runcit pada Ogos 2022, sektor ini dijangka terus mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif. Peningkatan prestasi Perdagangan Borong & Runcit pada bulan Ogos adalah disebabkan asas yang rendah pada Ogos tahun lalu. Pada asas bulanan, sektor ini turut akan mengalami peningkatan dalam jumlah jualan disebabkan oleh peningkatan dalam Jualan Kenderaan Bermotor sama seperti paras Jun yang mana syarikat kereta terus memenuhi tempahan yang dibuat dalam tempoh pengecualian cukai jualan sebagai insentif kepada pengguna untuk membeli kenderaan penumpang.


Perdagangan Barangan

Ekonomi Malaysia meningkat 8.9 peratus pada suku tahun kedua 2022 berbanding 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya, disokong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dan pemulihan yang stabil dalam situasi pasaran buruh. Perkembangan ini mencerminkan kerancakan kegiatan ekonomi yang kembali kepada keadaan normal apabila negara memasuki fasa peralihan ke endemik serta pembukaan semula sempadan antarabangsa. Seiring dengan itu, jumlah dagangan Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan dua angka 39.8 peratus, tahun ke tahun pada Julai 2022 kepada RM252.6 bilion, bulan ke-18 berturut-turut pertumbuhan dua angka sejak Februari 2021. Secara tahunan, eksport berkembang 38.0 peratus kepada RM134.1 bilion, manakala pertumbuhan import terus mengatasi eksport, meningkat 41.9 peratus untuk mencapai RM118.6 bilion. Imbangan dagangan kekal dengan lebihan pada RM15.5 bilion, meningkat 14.3 peratus berbanding tahun sebelum, merekodkan lebihan bulan ke-27 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Jun 2022, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan menyusut masing-masing 8.2 peratus, 4.5 peratus, 6.5 peratus dan 29.1 peratus.

Dari perspektif rakan dagangan, kenaikan eksport didorong terutamanya oleh pengembangan eksport ke Singapore yang meningkat RM8.1 bilion, diikuti oleh Hong Kong (+RM2.5 bilion), United States of America (USA) (+RM2.3 bilion), Indonesia (+RM2.0 bilion) dan Japan (+RM1.8 bilion). Sementara itu, pengembangan import disokong oleh import yang lebih tinggi dari Singapore yang meningkat RM7.5 bilion, diikuti oleh China (+RM5.2 bilion), Taiwan (+RM3.2 bilion), USA (+RM3.0 bilion) dan Indonesia (+RM2.7 bilion). Perdagangan Malaysia pada Julai 2022 disokong terutamanya oleh China, Singapore, USA dan European Union (EU) dengan jumlah sumbangan 46.3 peratus (Julai 2021: 48.4%).

Eksport Malaysia pada Julai 2022 mengekalkan pertumbuhan dua digit 38.0 peratus daripada RM97.1 bilion pada Julai 2021 kepada RM134.1 bilion. Peningkatan ini dipacu oleh kenaikan eksport Barangan elektrik dan elektronik (E&E) (+RM12.2 bilion, +35.2%), Keluaran petroleum bertapis (+RM8.1 bilion, +83.6%), Gas asli cecair (LNG) (+RM2.7 bilion, +82.0%) dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (+RM2.6 bilion, +26.5%) seperti di **Carta 15**. Kondensat dan minyak petroleum lain menunjukkan pertumbuhan ketara 733.9 peratus daripada RM81.7 bilion pada Julai 2021 kepada RM681.0 bilion berikutan peningkatan volum. Sementara itu, eksport Sarung tangan getah dan Batang pipih, batang bulat daripada besi & keluli mengekalkan trend penurunan dengan masing-masing merosot RM2.5 bilion (-63.9%) dan RM125.1 juta (-11.2%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit merupakan produk eksport utama Malaysia pada Julai 2022 dengan sumbangan agregat 57.5 peratus (Julai 2021: 55.8%).


**Carta 15: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%),
Julai 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import Malaysia terus melonjak pada Julai 2022, mengatasi prestasi eksport dengan pertumbuhan 41.9 peratus tahun ke tahun daripada RM83.6 bilion kepada RM118.6 bilion seperti yang ditunjukkan oleh kesemua sepuluh produk utama di **Carta 16**. Pada bulan ini, Keluaran petroleum bertapis menjadi pemacu utama kepada peningkatan tersebut dengan kenaikan RM8.4 bilion (+115.1%), diikuti oleh Barangan E&E (+RM7.6 bilion, +29.0%), Petroleum mentah (+RM2.5 bilion, +105.8%) dan Pesawat udara & kelengkapan & alat ganti (RM1.9 bilion, +260.7%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import Malaysia pada Julai 2022 dengan sumbangan kumulatif 45.7 peratus (Julai 2021: 42.8%).


Carta 16: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import oleh rakan dagangan utama terus meningkat pada Julai 2022 kecuali Hong Kong seperti di **Carta 17**.

Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), Julai 2022



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan Julai 2022 menunjukkan peningkatan dalam jumlah dagangan sebanyak RM72.0 bilion atau 39.8 peratus kepada RM252.6 bilion, tahun ke tahun. Prestasi yang memberangsangkan ini dicatatkan terutamanya di Johor yang mana meningkat RM18.3 bilion (+49.4%), diikuti oleh Pulau Pinang RM15.2 bilion (+31.9%), Selangor RM14.3 bilion (+36.2%), W.P. Kuala Lumpur RM9.3 bilion (+81.4%), Sarawak RM5.7 bilion (+60.2%), Kedah RM2.5 bilion (+33.9%), Negeri Sembilan RM2.5 bilion (+67.7%), Pahang RM1.4 bilion (+36.6%), Sabah RM1.2 bilion (+35.1%), Melaka RM643.9 juta (+12.3%), Terengganu RM278.8 juta (+13.8%), W.P. Labuan RM273.8 juta (+30.7%) dan Perlis RM99.3 juta (+68.7%). Walau bagaimanapun, penurunan jumlah dagangan dicatatkan terutamanya di Perak dengan menurun sebanyak RM803.1 juta (-11.3%) dan Kelantan RM31.0 juta (-9.0%) seperti ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Jumlah eksport meningkat RM36.9 bilion atau 38.0 peratus kepada RM134.1 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan didorong oleh eksport yang lebih tinggi dari Johor (+RM11.0 bilion), Pulau Pinang (+RM8.9 bilion), Selangor (+RM7.1 bilion), Sarawak (+RM4.1 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.0 bilion), Kedah (+RM1.1 bilion), Sabah (+RM1.0 bilion), Negeri Sembilan (+RM726.9 juta), Melaka (+RM544.8 juta), W.P. Labuan (+RM284.9 juta), Pahang (+RM136.4 juta), Terengganu (+RM120.9 juta), Perlis (+RM44.1 juta) dan Kelantan (+RM17.2 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Perak (-RM282.8 juta).

Pada masa yang sama, import meningkat RM35.0 bilion (+41.9%) pada Julai 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Import yang lebih tinggi terutamanya dari Johor (+RM7.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM7.3 bilion), Selangor (+RM7.2 bilion), Pulau Pinang (+RM6.3 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.8 bilion), Sarawak (+RM1.6 bilion), Kedah (+RM1.5 bilion), Pahang (+RM1.3 bilion), Sabah (+RM216.7 juta), Terengganu (+RM157.9 juta), Melaka (+RM99.1 juta) dan Perlis (+RM55.2 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Perak (-RM520.3 juta), Kelantan (-RM48.2 juta) dan W.P. Labuan (-RM11.1 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 83.5 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport teratas dengan sumbangan 27.9 peratus, diikuti oleh Johor (23.2%), Selangor (18.0%), Sarawak (8.7%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.7%). Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang terbesar dengan sumbangan 25.1 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (21.4%), Johor (20.6%), W.P. Kuala Lumpur (11.0%) dan Kedah (5.1%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, Julai 2021 dan Julai 2022



 Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Jumlah dagangan Malaysia terus menunjukkan pengembangan ketara pada Ogos 2022 berbanding setahun yang lalu, meningkat 56.7 peratus kepada RM265.7 bilion. Eksport meningkat 48.2 peratus kepada RM141.3 bilion pada Ogos 2022, seiring peningkatan dalam eksport domestik (+34.8%) dan eksport semula (+112.5%). Pertumbuhan import terus mengatasi eksport mencatatkan pertumbuhan tertinggi 67.6 peratus untuk mencapai nilai tertinggi baharu RM124.4 bilion. Imbangan dagangan kekal dengan lebihan pada RM16.9 bilion, menyusut 19.9 peratus berbanding Ogos 2021. Berbanding Julai 2022, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan meningkat masing-masing 5.4 peratus, 5.0 peratus, 5.2 peratus dan 8.6 peratus.

Menurut Barometer Perdagangan Barangan, World Trade Organization yang dikeluarkan pada 23 Ogos 2022, pertumbuhan perdagangan barangan global diunjurkan kekal positif pada kadar yang lebih perlahan pada suku tahun kedua 2022. Senario itu diperhatikan seiring dengan konflik Russia-Ukraine yang berterusan. Walau bagaimanapun, diimbangi oleh kelonggaran sekatan COVID-19 di China. Pada masa yang sama, pada Ogos 2022, Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Global oleh JPMorgan jatuh ke paras terendah dalam tempoh 26 bulan kepada 50.3 daripada 51.1 pada bulan sebelumnya.


Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

Senario Buruh

Situasi buruh di Malaysia pada Julai 2022 dilihat lebih kukuh disebabkan oleh normalisasi semua aktiviti ekonomi dan sosial ketika negara memasuki bulan keempat dalam fasa peralihan ke endemik. Selain itu, kemasukan pelancong juga semakin meningkat dengan tambahan kepada landskap pelancongan domestik yang semakin rancak sejak pembukaan semula sempadan antarabangsa yang berkuatkuasa pada 1 April 2022. Tambahan pula, sambutan Aidiladha yang jatuh pada hari Ahad, memberi lebih peluang kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti sosial seperti pulang ke kampung halaman dan menganjurkan kenduri bersama keluarga dan rakan-rakan. Pengukuhan situasi pasaran buruh dapat dilihat dengan peningkatan bilangan guna tenaga dan penurunan bilangan penganggur. Ini berlaku kerana semua aktiviti ekonomi dan sosial telah beroperasi secara penuh, menyebabkan permintaan tenaga buruh di pasaran meningkat.

Pada Julai 2022, bilangan penduduk bekerja terus meningkat sebanyak 0.3 peratus (42.1 ribu orang) merekodkan 15.98 juta orang (Jun 2022: 15.94 juta orang). Sehubungan itu, keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga seperti yang ditunjukkan oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 67.0 peratus pada Julai 2022 (Jun 2022: 66.9%). Jika dibandingkan dengan Julai tahun sebelumnya, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 683.6 ribu orang (4.5%) pada Julai 2022 (**Carta 18**).

Carta 18: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2018 - Julai 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari sudut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan meningkat terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman, Perdagangan borong & runcit dan aktiviti Pentadbiran & khidmat sokongan. Peningkatan turut dilihat di sektor Pembuatan dan Pembinaan, manakala guna tenaga di sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian menurun.

Terdapat 83.7 ribu orang yang tidak bekerja buat sementara pada Julai 2022, menurun sebanyak 4.1 ribu orang berbanding Jun 2022 (87.8 ribu orang). Tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja dalam kategori ini menurun sebanyak 692.6 ribu orang (Julai 2021: 776.3 ribu orang). Kumpulan ini yang mana kemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

Kategori pekerja menyumbang kepada komposisi terbesar penduduk bekerja dengan 76.0 peratus. Kategori ini naik 0.2 peratus merekodkan 12.14 juta orang pada Julai 2022 berbanding bulan lepas (Jun 2022: 12.13 juta orang). Sementara itu, penduduk bekerja sendiri juga terus meningkat kepada 2.79 juta orang, dengan penambahan sebanyak 21.3 ribu orang berbanding 2.77 juta orang pada Jun 2022. Golongan ini kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar dan gerai, serta pekebun kecil (**Carta 19**).


Carta 19: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Jun 2022 dan Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada Julai 2022, kadar pengangguran telah direkodkan sebanyak 3.7 peratus, turun 0.1 peratus jika dibandingkan dengan Jun 2022 (3.8%), sementara bilangan penganggur kekal dengan trend menurun dengan penurunan sebanyak 1.6 peratus atau 9.9 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (Jun 2022: 630.6 ribu orang). Perbandingan tahunan, bilangan penganggur terus menurun sebanyak 20.2 peratus atau 157.5 ribu orang berbanding Julai 2021 yang merekodkan sebanyak 778.2 ribu orang. Ini menjadikan kadar pengangguran menurun sebanyak 1.1 mata peratus berbanding Julai 2021 (4.8%) seperti ditunjukkan pada **Carta 20**.

Carta 20: Penganggur dan Kadar Pengangguran, Januari 2018 - Julai 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kebanyakan penganggur (83.4%) adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kumpulan ini merekodkan penurunan sebanyak 11.1 ribu orang (-2.1 peratus) kepada 517.4 ribu orang (Jun 2022: 528.5 ribu orang). Daripada kumpulan ini, lebih separuh (59.5%) adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan sementara 6.6 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun¹. Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia, naik sebanyak 1.2 peratus kepada 103.3 ribu orang (Jun 2022: 102.1 ribu orang). seperti ditunjukkan pada **Carta 21**.

1 Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: long-term Unemployment) (https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf)


Carta 21: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Jun 2022 dan Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada Julai 2022, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun semakin menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 12.1 peratus merekodkan sebanyak 336.2 ribu penganggur belia. Dari segi belia berumur 15 hingga 30 tahun, kadar pengangguran adalah sebanyak 7.4 peratus untuk tiga bulan berturut-turut, mencatatkan 476.5 ribu penganggur belia (Jun 2022: 474.7 ribu orang). seperti ditunjukkan pada **Carta 22**.


Carta 22: Penganggur Belia dan Kadar Pengangguran Belia, Januari 2018 – Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam bulan tersebut, bilangan tenaga buruh menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus bersamaan 32.3 ribu orang untuk merekodkan 16.60 juta orang. Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) naik sebanyak 0.1 mata peratus kepada 69.6 peratus. Dari segi tahun ke tahun, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 3.3 peratus (526.3 ribu orang) berbanding dengan bulan yang sama tahun sebelumnya. Lanjutan itu, KPTB juga meningkat sebanyak 1.3 mata peratus (**Carta 23**).


Carta 23: Tenaga Buruh dan KPTB. Januari 2018 – Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penduduk di luar tenaga buruh menurun sedikit sebanyak 0.1 peratus kepada 7.25 juta orang (Jun 2022: 7.26 juta orang). Berbanding dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, penduduk di luar tenaga buruh berkurang sebanyak 227.5 ribu orang berbanding 7.48 juta orang. Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan faktor utama luar tenaga buruh dengan sumbangan sebanyak 42.9 peratus, diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan dengan 40.1 peratus (**Carta 24**).

Carta 24: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Jun 2022 dan Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembukaan semula semua aktiviti ekonomi dan sosial di kesemua negeri merupakan salah satu faktor yang menyebabkan perkembangan positif ekonomi di Malaysia. Dengan peningkatan situasi ekonomi, pasaran buruh juga akan menunjukkan impak positif, di mana permintaan buruh yang meningkat bagi menampung peningkatan permintaan pengguna. Selain daripada itu, pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan juga terus membantu mengukuh dan menyokong situasi ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, perubahan positif yang dirasakan oleh negara pada masa ini mungkin akan terkesan dengan pelbagai cabaran yang terjadi secara global atau domestik, yang juga akan memberi kesan terhadap situasi pasaran buruh di Malaysia.


Indeks Harga Pengguna

Inflasi Malaysia meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 pada Julai 2022 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan ini sekali lagi melepasi purata inflasi di Malaysia bagi tempoh 2011 hingga Julai 2022 (2.0%). Pada Julai 2022, indeks Makanan yang meningkat 6.9 peratus kekal menjadi penyumbang utama kenaikan inflasi bulan ini. Namun begitu, terdapat item makanan yang menunjukkan momentum peningkatan yang lebih perlahan berbanding Jun 2022. Antaranya ialah subkumpulan Ikan & makanan laut (4.2%) dan Sayur-sayuran (7.1%). Ini seiring dengan trend harga komoditi makanan dunia yang turut merekodkan peningkatan yang lebih perlahan berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan inflasi pada Julai turut disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah pada tahun lalu berikutan pemberian diskaun bil elektrik kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dari Julai hingga September 2021.

Kerajaan telah menarik balik subsidi terhadap harga minyak sawit kemasan botol bermula 1 Julai 2022. Namun begitu, penarikan subsidi ini tidak terkesan kepada minyak masak pek polibeg satu kg yang dimaksudkan untuk kegunaan isi rumah domestik di Malaysia. Ianya secara langsung telah mengimbangi kenaikan subkumpulan Minyak. Kerajaan juga mengumumkan penetapan harga siling runcit baharu ayam standard daripada RM8.90 kepada RM9.40 sekilogram dan telur ayam gred A ditetapkan pada 45 sen sebiji, manakala gred B (43 sen/ biji) dan gred C (41 sen/ biji) yang telah dilaksanakan bermula 1 Julai 2022.

Selain daripada kumpulan Makanan, kesemua kumpulan lain juga terus merekodkan peningkatan kecuali Komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Restoran & Hotel meningkat 5.8 peratus diikuti oleh Pengangkutan (5.6%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (4.0%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.8%). Sementara itu, Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus, Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.1%) dan Pendidikan (1.2%). Kedua-dua kumpulan Kesihatan dan Minuman Alkohol & Tembakau masing-masing merekodkan kenaikan marginal sebanyak 0.8 peratus dan 0.6 peratus. Manakala Pakaian & Kasut meningkat 0.3 peratus berbanding Julai 2021 (**Carta 25**).

Carta 25: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), Julai 2021 – Julai 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi Pengangkutan menunjukkan peningkatan 5.6 peratus pada Julai 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian (6.7%). Namun begitu, penurunan subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan (-0.3%) telah meredakan inflasi kumpulan ini.

HARGA

Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 meningkat sebanyak 73.9 peratus (RM4.73 seliter) berbanding RM2.72 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan harga minyak ini adalah kesan daripada peningkatan harga minyak mentah Brent (46.4%) kepada \$AS108.92 setong pada Julai 2022 (**Carta 26**).

Carta 26: Purata Harga Bahan Api, Julai 2021 – Julai 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol ini menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP. Selari dengan peningkatan subkumpulan Daging; Susu, keju & telur serta Sayur-sayuran, komponen Makanan di rumah dan Makanan di luar rumah turut menunjukkan peningkatan ketara. Komponen ini masing-masing meningkat 6.4 peratus dan 7.8 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Jadual 6**).

Jadual 6: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), Julai 2022)

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) Julai 2022
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	6.9
Makanan	28.4	7.0
Makanan di Rumah	16.9	6.4
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	5.5
Daging	2.5	12.0
Ikan & Makanan Laut	4.0	4.2
Susu, Keju & Telur	1.5	9.1
Minyak & Lemak	0.6	4.6
Buah-buahan	1.2	3.9
Sayur-sayuran	2.1	7.1
